

Melaka lancar RICE Melaka @ UTeM perkukuh bidang sains, teknologi, inovasi

Oktober 13, 2023 @ 3:55pm



Gambar fail - Ketua Menteri, Datuk Ab Rauf Yusoh. - Foto NSTP/Amir Mamat

MELAKA: Kerajaan Melaka hari ini melancarkan pusat penyelidikan dan pembangunan yang dikenali sebagai RICE Melaka @ UTeM bagi memperkukuh bidang sains, teknologi dan inovasi di negeri itu.

Ketua Menteri, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh berkata pusat itu yang dibangunkan dengan kerjasama Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menekankan empat elemen penting iaitu penyelidikan, inovasi, pengkomersialan dan keusahawanan.

"Penyelidikan dan pembangunan akan memberi tumpuan pada empat elemen berkenaan dan hasil dapatan yang diperolehi daripada penyelidikan oleh UTeM akan digunakan untuk meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi negeri pada masa hadapan.

"Penubuhan RICE Melaka @UTeM juga selaras dengan Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035), Smart Melaka Blueprint 2035 (SMB 2035) dan Pelan Pembangunan Mampan (SDG)," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan RICE Melaka @ UTeM dan Bank Inovasi Melaka yang turut dihadiri EXCO Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital negeri Datuk Fairul Nizam Roslan.

Mengulas lanjut, Ab Rauf berkata pusat penyelidikan dan pembangunan itu juga berperanan memperkukuh ekosistem bidang sains, teknologi dan inovasi selain memperkasakan pembangunan dan penggunaan teknologi tempatan serta menggalakkan inovasi dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi negeri, kesejahteraan masyarakat serta kualiti hidup yang inovatif dan berdaya saing.

Katanya, RICE Melaka @UTeM diharap dapat menjadi Pusat Kecemerlangan yang unggul dan berupaya menarik banyak pihak untuk terbabit dalam bidang penyelidikan dan pembangunan, pengkomersialan serta inovasi di negeri itu.

"Selain itu, saya berharap RICE Melaka @ UTeM akan dapat menjadi peneraju kepada pembangunan bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dengan menggubal kurikulum TVET yang berasaskan kepada keperluan semasa dan masa hadapan," katanya.

Abdul Rauf berkata Bank Inovasi Melaka yang turut dilancarkan hari ini adalah platform perkongsian data inovasi bagi menggalakkan perkongsian dan penggunaan data melibatkan sektor awam, industri, penyelidik dan masyarakat dalam untuk memacu inovasi dalam pelbagai sektor.

- BERNAMA